

Faktor Berisiko yang Menyumbang kepada Masalah Residivisme: Satu Tinjauan Sorotan Literatur
(Risk Factors Contributing to Recidivism: A Literature Review)

N.K. Tharshini^{1*}

Fauziah Ibrahim²

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Sarawak Malaysia*

²*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Corresponding e-mail: [stharshini@unimas.my]

Recidivism refers to a proportion of offenders who commit repetitive offenses. In general, recidivism studies are crucial in tracking the outcomes of post-release among individuals who have committed a crime. Hence, this article is prepared to review the risk factors contributing to recidivism. All the relevant information related to recidivism was gathered from various well-established databases such as Elsevier, Sage, and Google Scholar. On the whole, the risk factors contributing to recidivism include psychopathic personality, employment opportunities, education level, history of drug abuse, duration of incarceration, acceptance of community members, and high-risk areas. As an overall impact, this review is expected to provide an in-depth understanding of the key characteristic of repeat offenders thus some effective crime prevention strategies can be developed in reducing the recidivism rate.

Keywords: risk factor, crime, recidivism, literature review

Istilah residivisme berasal daripada perkataan Latin “*recidere*” yang bermaksud kembali semula (Berghuis, 2018). Berdasarkan sudut kriminologi, istilah residivisme didefinisikan sebagai pengulangan semula kepada tingkah laku berisiko atau kepulangan semula bekas banduan ke penjara (Van der Linde et al., 2020; Tharshini et al., 2020). Menurut Harper dan Hicks (2022) konsep residivisme digunakan bagi menganggarkan kadar sabitan semula seseorang individu dengan aktiviti jenayah. Secara amnya, individu yang terlibat dengan kesalahan jenayah dapat

dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu; (i) pesalah kali pertama, (ii) pesalah berulang tidak kronik, dan (iii) pesalah berulang kronik (Harper et al., 2022). Menurut Tharshini et al. (2021) dan Luo et al. (2020) elemen psikopati (kecelaruan personaliti) merupakan peramal signifikan kepada masalah residivisme terutamanya bagi individu yang mempunyai masalah kecelaruan tingkah laku, egosentrik, dan perilaku impulsif yang tinggi. Selain itu, Berghuis (2018) menjelaskan bahawa individu yang mempunyai personaliti sosiopati juga berpotensi tinggi untuk residivis pada kadar yang lebih kerap dan

lebih ganas berbanding dengan individu yang tidak mempunyai personaliti sosiopati.

Berdasarkan kepada Teori Ketegangan, seseorang individu terlibat semula dengan aktiviti jenayah disebabkan pelbagai faktor berisiko yang berbeza seperti jantina, umur, personaliti, tahap kesihatan mental, penyalahgunaan dadah, tahap pendidikan, serta tempoh hukuman (Losel et al., 2020). Justeru itu, dalam usaha mengurangkan risiko residivisme dalam kalangan bekas banduan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam berkaitan dengan faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada peningkatan dalam kadar residivisme perlu dikenalpasti terlebih dahulu agar strategi pemulihan yang lebih berkesan dapat dicadangkan kelak.

Metod

Satu tinjauan sorotan literatur telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan dengan faktor berisiko yang menyumbang kepada masalah residivisme. Kata kunci seperti “faktor berisiko”, “residivisme”, “tingkah laku devian”, dan “jenayah” ditaip dalam pangkalan data seperti *Elsevier*, *Sage*, and *Google Scholar* bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Beberapa kriteria pemilihan bahan bacaan telah ditetapkan terlebih dahulu bagi tujuan mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan faktor berisiko yang menyumbang kepada masalah residivisme, iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang telah diterbitkan dengan menggunakan medium elektronik dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan (ii) data

kualitatif yang merangkumi hasil temu bual bersama dengan pegawai penjara/pihak berkuasa polis/bekas banduan/pegawai penjara.

Seterusnya, bagi tujuan menjalankan suatu sorotan literatur yang bersifat komprehensif beberapa kriteria pengecualian/pengguguran bahan bacaan juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang tidak mempunyai maklumat yang lengkap berkaitan dengan faktor berisiko yang menyumbang kepada masalah residivisme.

Faktor Umur

Satu kajian yang telah dijalankan oleh McAlinden (2022) mendapati bahawa sejumlah 755 pesalah muda (74.0%) ditahan semula dalam tempoh dua hingga tiga tahun selepas dibebaskan daripada penjara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 18.0% daripada pesalah muda perempuan ditahan semula kerana terlibat dengan masalah penagihan dadah manakala sejumlah 27.0% daripada pesalah muda lelaki ditahan semula kerana terlibat dengan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Disamping itu, dapatan kajian Tsao et al. (2021) menunjukkan bahawa bekas banduan yang berusia di bawah 30 tahun lebih cepat ditahan semula kerana residivis di atas kesalahan memiliki senjata api (79.3%), penyalahgunaan dadah (62.5%), serta menipu orang awam (53.6%) berbanding dengan bekas pesalah dewasa yang berusia 60 tahun ke atas.

Berbanding dengan pola jenayah, kadar residivisme mengalami penurunan yang konsisten sejajar dengan peningkatan usia

(Garritsen et al., 2022; Tharshini et al., 2021). Pandangan ini turut disokong oleh pengkaji dari negara Barat seperti Lammers et al. (2018) dan Berghuis (2018) yang menjelaskan bahawa kadar residivisme bagi pesalah muda yang berusia di antara 16 hingga 18 tahun adalah paling tinggi kerana pada peringkat usia tersebut individu masih tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, berstatus bujang, serta tidak mempunyai kematangan untuk memikirkan mengenai impak negatif akibat daripada perlakuan tersebut.

Sandbukt et al. (2021) menjelaskan bahawa pesalah muda yang berada dalam lingkungan usia 18 hingga 30 tahun mempunyai kadar residivisme yang paling tinggi berbanding dengan pesalah dewasa yang berusia 49 tahun dan ke atas. Selain itu, hasil kajian Tsao et al. (2021) menunjukkan bahawa pesalah kali pertama yang masih muda mempunyai kadar residivisme yang rendah berbanding dengan pesalah dewasa yang pernah terlibat dengan pelbagai jenis kesalahan jenayah. Tambahan pula, pesalah muda yang terlibat dengan kesalahan membunuh mempunyai kadar residivisme yang amat rendah berbanding dengan pesalah dewasa yang pernah terlibat dengan kesalahan jenayah seperti meragut, pecah masuk rumah, dan mencuri (Walker et al., 2020).

Faktor Psikopati

Menurut Blais et al. (2021), psikopati merujuk kepada kecelaruan personaliti yang menyebabkan seseorang individu mempamerkan ciri-ciri seperti; (i) impulsif, (ii) manipulatif, (iii) kurang empati,

(iv) sukar menjalin hubungan yang positif bersama individu lain, (v) mudah berasa gelisah, serta (vi) takut menerima hukuman. Sauter et al. (2021) menjelaskan bahawa individu yang mempunyai personaliti psikopati berisiko tinggi untuk mengulangi semula kesalahan jenayah dengan kadar lebih cepat selepas dibebaskan daripada penjara. Selain itu, Blais et al. (2021) menyatakan bahawa individu yang mempunyai masalah psikopati amat merbahaya kepada keselamatan orang awam kerana mereka mempunyai personaliti yang tidak stabil.

Individu yang mempunyai personaliti psikopati berisiko tinggi untuk terlibat semula dengan kesalahan jenayah kerana mereka mempunyai ciri-ciri seperti suka mendominasi orang lain, degil, serta mudah berasa marah (Fox et al., 2021). Secara lazimnya, ciri-ciri interpersonal negatif yang dimiliki oleh individu yang mempunyai personaliti psikopati menyebabkan golongan ini lebih mudah terlibat semula dengan gaya kehidupan yang bertentangan dengan norma sosial serta kerap melanggar peraturan (Losel et al., 2020; Berghuis, 2018; Tharshini et al., 2018). Selain itu, memandangkan individu yang mempunyai personaliti psikopati mempamerkan perapatan emosi dan sifat empati yang rendah maka adalah mudah bagi mereka untuk menggunakan keganasan bagi memperolehi sesuatu yang mereka inginkan (Luo et al., 2020; Van der Linde et al., 2020).

Majoriti daripada individu yang mempunyai personaliti psikopati terlibat semula dengan aktiviti jenayah kerana mempunyai motivasi untuk membalas dendam, melunaskan perasaan marah terhadap musuh mereka, serta bersikap tamak terhadap duit (Harper et al., 2022).

Tambahan pula, hasil analisis-meta menunjukkan bahawa pesalah dewasa yang mempunyai personaliti psikopati lebih berisiko tinggi untuk mengulangi semula kesalahan jenayah dengan lebih kerap dan lebih ganas pada percubaan kali kedua dan seterusnya berbanding dengan pesalah yang tidak mempunyai personaliti psikopati (McAlinden, 2022).

Faktor Pekerjaan dan Pendidikan

Bekas banduan yang mempunyai pekerjaan tetap selepas dibebaskan daripada penjara atau institusi pemulihan akhlak berpotensi rendah untuk terlibat semula dengan aktiviti jenayah berbanding dengan bekas banduan yang sedang menganggur (Losel et al., 2020). Satu kajian empirikal yang telah dijalankan di Britain menunjukkan bahawa bekas banduan yang sedang menganggur lebih berisiko tinggi untuk kembali terlibat semula dengan salah laku jenayah dalam tempoh enam bulan selepas dibebaskan daripada penjara (Losel et al., 2020).

Secara amnya, faktor pekerjaan tetap dalam kalangan bekas banduan akan mengurangkan risiko keterlibatan semula dengan aktiviti jenayah terutamanya bagi banduan lelaki (Losel et al., 2020). Namun begitu, hakikatnya didapati bahawa sebilangan besar daripada pihak majikan masih berasa kurang selesa serta tidak bersedia untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada bekas banduan disebabkan tidak mempercayai individu yang mempunyai rekod jenayah (Tharshini et al., 2021; Berghuis, 2018).

Bekas banduan yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah berkecenderungan tinggi untuk terlibat semula dengan tingkah laku jenayah dalam tempoh lapan bulan

selepas dibebaskan daripada penjara kerana berhadapan dengan masalah pengangguran (Walker & Hertinf, 2020). Selain itu, Garritsen et al. (2022) mendapati bahawa kadar residivisme adalah tinggi dalam kalangan bekas banduan yang tidak mengikuti program pendidikan vokasional semasa berada di dalam penjara. Tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah (kesukaran untuk membaca serta mengira) menyebabkan kebanyakan besar daripada bekas banduan sukar mendapatkan pekerjaan selepas dibebaskan daripada penjara. Secara tidak langsung, keadaan ini menyebabkan sebilangan besar (lebih daripada 55%) daripada bekas banduan terjerumus semula dengan salah laku jenayah kerana berhadapan dengan masalah kewangan serta kurang menerima sokongan moral daripada individu yang signifikan dalam kehidupan mereka selepas dibebaskan daripada penjara (Garritsen et al., 2022).

Faktor Penyalahgunaan Dadah

Keputusan analisis-meta menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kadar residivisme dan masalah penyalahgunaan dadah (Berryessa & Krenzer, 2020). Berryessa et al. (2020) menjelaskan bahawa bekas penagih dadah mudah relaps serta kembali terlibat semula dengan aktiviti jenayah berbanding dengan individu yang tidak menghisap dadah. Selain itu, McAlinden (2022) menyatakan bahawa masalah penagihan dadah menyumbang kepada peningkatan dalam kadar residivisme khususnya dalam kes-kes jenayah seperti pembunuhan, penderaan, rogol, pembuangan bayi, dan ragut.

Seseorang individu yang menghisap dadah terlibat semula dengan kesalahan jenayah

disebabkan dua faktor berisiko yang berbeza iaitu; (i) berada di bawah pengaruh dadah apabila terlibat dengan perlakuan jenayah yang bertentangan dengan undang-undang serta (ii) mempunyai kawalan sendiri yang rendah disebabkan kegagalan dalam mengawal desakan emosi akibat daripada pengaruh dadah (Liu & Visher, 2021). Kesan halusinasi dan delusi akibat daripada pengambilan dadah (ganja, heroin, pil kuda, syabu) menyebabkan seseorang individu menjadi tidak waras serta hilang pertimbangan sehingga terlibat semula dengan kesalahan jenayah seperti merogol atau pecah masuk rumah khususnya apabila berada di bawah pengaruh dadah (Liu et al., 2021).

Secara amnya, dadah boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu dadah konvensional dan dadah sintetik. Van Amsterdam et al. (2020) menyatakan bahawa dadah sintetik memberikan kesan negatif yang lebih buruk sehingga menyebabkan seseorang penagih bertingkh laku agresif dan hilang keruan. Hasil kajian Berryessa et al. (2020) mendapati bahawa individu yang menagih dadah jenis heroin lebih berisiko tinggi untuk terlibat semula dengan kesalahan merompak serta pecah masuk rumah apabila berada di bawah pengaruh dadah. Selain itu, menurut pandangan Losel et al. (2020) golongan lelaki yang mempunyai sejarah penagihan dadah adalah dua kali lebih berisiko tinggi untuk terjebak semula dengan salah laku jenayah dalam tempoh satu tahun selepas dibebaskan daripada pusat pemulihan dadah.

Faktor Tempoh Hukuman

Berpandukan kepada Teori Kawalan Sosial, individu yang telah menjalani tempoh

pemenjaraan yang panjang bersikap kurang peka terhadap perkembangan dan perubahan yang wujud dalam persekitaran sosial (Berghuis, 2018). Selain itu, mereka juga kurang berminat untuk menjalin perhubungan sosial yang rapat bersama anggota masyarakat selepas dibebaskan daripada penjara (Berghuis, 2018). Tempoh pemenjaraan yang panjang menyebabkan banduan mempunyai ikatan sosial yang lemah bersama ahli keluarga (Liu et al., 2021; Van Amsterdam et al. 2020). Tambahan pula, satu kajian yang telah dijalankan oleh Walker dan Herting (2020) mendapati bahawa individu yang telah menjalani tempoh hukuman melebihi dua tahun adalah lebih cenderung untuk mengulangi semula kesalahan jenayah yang lebih berat selepas dibebaskan daripada penjara berbanding dengan individu yang hanya menjalani tempoh hukuman selama dua hingga enam bulan.

Menurut Tsao et al. (2021), semakin lama tempoh penahanan seseorang individu, semakin tinggi risiko untuk terdedah kepada unsur-unsur negatif terutamanya bagi pesalah kali pertama. Hal ini kerana, sepanjang tempoh penahanan, seseorang individu berpeluang untuk meluaskan lagi rangkaian/jaringan sosial bersama banduan lain yang turut berada dalam tahanan yang sama (Tsao et al., 2021). Secara tidak langsung, tempoh pemenjaraan yang panjang meningkatkan lagi potensi seseorang individu untuk kembali terlibat semula dengan aktiviti jenayah bersama “rakan-rakan” yang dikenali semasa berada dalam penjara (Garritsen et al., 2022).

Teori Pelabelan menjelaskan bahawa seseorang individu yang terlibat dengan aktiviti jenayah akan dilabel sebagai “pesalah” atau “banduan” apabila

disabitkan kesalahan di bawah sistem keadilan jenayah (Fox et al., 2021). Sejajar dengan itu, Fox et al. (2021) dan Liu et al. (2021) menyatakan bahawa individu yang kerap ditahan di penjara atau institusi pemulihan akhlak tidak lagi berasa malu, takut, atau berasa salah apabila masuk semula ke penjara kerana sudah terbiasa menerima tohmahan, cacian, dan persepsi negatif daripada ahli keluarga dan masyarakat sejagat.

Faktor Penerimaan Masyarakat dan Kawasan Berisiko Tinggi

Faktor perumahan yang stabil merupakan elemen penting dalam mengelakkan seseorang individu daripada terlibat semula dengan salah laku jenayah selepas dibebaskan daripada penjara (Tharshini et al., 2020). Namun begitu, didapati bahawa kebanyakan daripada bekas banduan berhadapan dengan pelbagai isu apabila kembali tinggal bersama dengan ahli keluarga terutamanya apabila kehadiran mereka tidak diterima oleh ibu bapa, adik-beradik, saudara-mara, dan jiran-tetangga (Van der Linde et al., 2020). Secara tidak langsung, keadaan ini menyebabkan sebilangan besar daripada bekas banduan menjadi gelandangan selepas dibebaskan daripada penjara (Harper et al., 2022). Tambahan pula, ketidaksediaan tuan rumah untuk menyewakan rumah mereka kepada bekas banduan menyukarkan lagi proses pengintegrasian semula sehingga mendorong seseorang individu untuk kembali terlibat semula dengan kesalahan jenayah (Harper et al., 2022).

Liu et al. (2021) dan Berryessa et al. (2020), menyatakan bahawa bekas banduan yang tinggal di kawasan perumahan yang miskin lebih berisiko tinggi untuk terjebak semula

dengan kesalahan jenayah. Hal ini kerana, masalah kewangan dan kos sara hidup yang tinggi mendesak seseorang bekas banduan untuk mengambil “jalan pintas” dengan terlibat semula dengan salah laku jenayah bagi meneruskan kelangsungan hidup (Berryessa et al., 2020). Berryessa et al. (2020) turut menjelaskan bahawa kadar residivisme bagi bekas banduan yang tinggal di kawasan metropolitan adalah lebih tinggi berbanding dengan bekas banduan yang tinggal di kawasan luar bandar kerana sebilangan besar daripada mereka residivis di atas dasar desakan ekonomi.

Berpandukan kepada Teori Kawalan Sosial, seseorang bekas banduan yang tinggal di kawasan setinggan lebih berisiko tinggi untuk kembali terlibat semula dengan kesalahan jenayah kerana mereka mempunyai jaringan sosial yang lemah bersama jiran tetangga dan ahli komuniti (Tsao et al. 2021). Selain itu, faktor-faktor berisiko seperti stigma dan diskriminasi negatif daripada jiran tetangga serta kawasan kejiranan yang tidak stabil (masalah pengedaran dadah, pengambilan alkohol) turut mendorong seseorang bekas banduan untuk kembali terlibat semula dengan kesalahan jenayah dalam tempoh enam bulan selepas dibebaskan daripada penjara (Garritsen et al., 2022; Sandbukt et al., 2021; Blais et al., 2021; Fox et al., 2021; Lammers et al., 2018).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa isu residivisme merupakan suatu fenomena kompleks yang mampu menggugat keselamatan, keharmonian, dan kesejahteraan sesebuah negara. Justeru itu,

bagi mengurangkan kadar residivisme dalam kalangan bekas banduan dicadangkan agar pegawai pelaksana (pegawai penjara, pegawai pembangunan masyarakat, pegawai kaunselor, pegawai kerja sosial) mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada masalah ini agar strategi pemulihan yang lebih efektif dapat dirangka pada masa hadapan.

Pendidikan pencegahan serta program yang berunsurkan “*family and community empowerment*” perlu ditekankan dalam membimbing ahli keluarga dan masyarakat sejagat agar tidak meminggirkan individu yang pernah terjebak dengan salah laku jenayah. Sebagai contoh, apabila seseorang bekas banduan kembali semula ke dalam komuniti disyorkan agar badan kerajaan dan badan bukan kerajaan bersikap cakna dalam isu sebegini terutamanya dengan mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan penyertaan aktif daripada bekas banduan, ahli keluarga, dan komuniti sejagat. Secara tidak langsung, langkah ini dijangka mampu mengurangkan masalah stigma dan persepsi negatif yang dihadapi oleh bekas banduan selepas dibebaskan daripada penjara. Tambahan pula, penglibatan secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan diramal mampu memberi peluang kepada bekas banduan bagi memainkan peranan yang bermakna dalam komuniti serta tidak terjebak semula dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial selepas dibebaskan daripada penjara.

Rujukan

Berghuis, M. (2018). Reentry program for adult male offender recidivism and reintegration: A systematic review and

meta-analysis. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 62(14), 4655-4676. <https://doi.org/10.1177/0306624X18778448>

Berryessa, C.M., & Krenzer, W.L.D. (2020). The stigma of addiction and effects on community perceptions of procedural justice in drug treatment courts. *Journal of Drug Issues*, 1-26. <https://doi.org/10.1177/0022042620918950>

Blais, J., Babchishin, K.M., & Hanson, R.K. (2021). Improving our risk communication: Standardized risk level for brief assessment of recidivism risk-2002R. *Sexual Abuse*, 0(0), 1-32. <https://doi.org/10.1177/10790632211047185>

Fox, C., Harrison, J., Hothersall, G., & Smith, A. (2021). A rapid evidence assessment of the impact of probation caseloads on reducing recidivism and other probation outcomes. *Probation Journal*, 1-21. <https://doi.org/10.1177/1079063220910723>

Garritsen, K., Jonkovic, M., Masthoff, E., De Caluwe, E., & Bogaerts, S. (2022). The role of dynamic risk and protective factors in predicting violent recidivism: Intellectual ability as a possible moderator? *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 1-28. <https://doi.org/10.1177/0306624X221079695>

Harper, C.A., & Hicks, R.A. (2022). The effect of attitudes towards individuals with sexual convictions on professional students risk judgement. *Sexual Abuse*, 0(0), 1-25.

<https://doi.org/10.1177/10790632211070799>

Lammers, S., Kokkelink, L., & deHaan, H. (2018). Risk assessment in habitual offenders with substance use problems: A quasi-prospective study of the predictive validity of the HKT-30. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 62(13), 4187-4195. <https://doi.org/10.1177/0306624X18757350>

Liu, L., & Visher, C.A. (2021). The roles of family, community, and services in the prevention of illicit drug use: Findings from a sample of released prisoners. *Journal of Drug Issues*, 51(2), 354-371. <https://doi.org/10.1177/0022042620984770>

Losel, F., Link, E., Schmucker, M., Bender, D., Breuer, M., Carl, L., Endres, J., & Lauchs, L. (2020). On the effectiveness of sexual offenders treatment in prisons: A comparison of two different evaluation designs in routine practice. *Sexual Abuse*, 32(4), 452-475. <https://doi.org/10.1177/1079063219871576>

Luo, J., Wang, M.C., Neumann, C.S., Hare, R.D., & Salekin, R.T. (2020). Factor structure and construct validity of the proposed specifiers for conduct disorder scale in Chinese adolescents. *Assessment*, 1-20. DOI: [10.1177/1073191120949914](https://doi.org/10.1177/1073191120949914)

McAlinden, A.M. (2022). Reconceptualizing “risk”: Towards a humanistic paradigm of sexual offending. *Social dan Legal Studies*, 31(3), 389-408. <https://doi.org/10.1177/09646639211032957>

Sandbukt, I.J., Skardhamar, T., Kristoffersen, R., & Friestad, C. (2021). Testing the Static-99R as a global screen for risk of sex crime recidivism in a Norwegian routine sample. *Sexual Abuse*, 33(6), 725-742. <https://doi.org/10.1177/1079063220951194>

Sauter, J., Turner, D., Briken, P., Rettenberger, M. (2021). Testosterone-lowering medication and its association with recidivism risk in individuals convicted of sexual offences. *Sexual Abuse*, 33(4), 475-500. <https://doi.org/10.1177/1079063220910723>

Tharshini, N.K., Ibrahim, F., Mohamad, M.S., & Zakaria, E. (2021). The influence of self-concept, sense of community, social support towards social integration among young offenders in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 39(1), 117-140. <https://doi.org/10.21315/km2021.39.1.6>

Tharshini, N.K., Ibrahim, F., Kamaluddin, M.R., Rathakrishnan, B., & Mohd Nasir, N.C. (2021). The link between individual personality traits and criminality: A systematic review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(16), 8663. <https://doi.org/10.3390/ijerph18168663>

Tharshini, N.K., Ibrahim, F., & Zakaria, E. (2020). Datasets of demographic profile and perpetrator experience in committing crime among young offenders in Malaysia. *Data in Brief*, 105958. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2020.105958>

Tharshini, N.K., Ibrahim, F., Mohamad, M.S., & Zakaria, E. (2018). Level of self-

concept, sense of community, social support and social integration among young offenders in Malaysia. *Akademika*, 88(3), 91-100. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-08>

Tsao, I.T., & Chi, M.C. (2021). An exploratory study of recidivism risk assessment instruments for individuals convicted of sexual offenses in Singapore. *Sexual Abuse*, 33(2), 157-175. <https://doi.org/10.1177/1079063219884575>

Van Amsterdam, J.G.C., Ramaekers, J.G., Verkes, R.J., Kuypers, K.P.C., Goudriaan, A.E., & Van de Brink, W. (2020). Alcohol- and drug-related public violence in Europe. *European Journal of Criminology*, 17(6), 806-825. <https://doi.org/10.1177/1477370819828324>

Van der Linde, R., Bogaerts, S., Garofalo, C., Blaauw, E., De Caluwe, E., Billen, E., & Spreen, M. (2020). Trajectories of dynamic risk factors during forensic treatment: Frowth trajectory of clinical risk factors in a sample of Dutch forensic patients. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 64(15), 1491-1513. <https://doi.org/10.1177/0306624X20909219>

Walker, S.C., & Herting, J.R. (2020). The impact of pretrial juvenile detention on 12-month recidivism: A matched comparison study. *Crime & Delinquency*, 66(13-14), 1865-1887. <https://doi.org/10.1177/0011128720926115>